



**PEKELILING
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
BILANGAN 20/ 1976**

*Pungutan Bayaran-bayaran ukur Bagi Merizabkan
Tanah Untuk Tujuan Awam*

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihati Pemungut-pemungut Hasil Tanah mengenai cara memungut bayaran-bayaran ukur berhubung dengan merizabkan tanah di bawah seksyen 62 Kanun Tanah Negara.

2. Sebelum sesuatu rizab di bawah seksyen 62 Kanun Tanah Negara diisytiharkan di dalam warta kerajaan, perihal tanah itu mestilah diadakan dan perihal itu adalah disediakan oleh Ketua Juruukur. Adalah dianggap oleh kerana perihal tanah hanya itu disediakan setelah ianya diukur, maka Pemungut Hasil Tanah perlulah mengatur supaya tanah itu diukur. Tetapi sebelum kerja mengukur dijalankan bayaran-bayaran ukur perlulah didepositkan dan soalan yang timbul ialah sama ada Kerajaan Persekutuan yang akan mengawal rizab itu perlu menjelaskannya atau tidak. Dari peruntukan seksyen 5 (b) Perintah Kanun Tanah Negara (Bayaran-bayaran Ukur), 1965 bolehlah dianggap bahawa bayaran-bayaran ukur adalah dikenakan bagi merizabkan tanah di bawah seksyen 62 Kanun Tanah Negara. Seksyen 5 (b) itu adalah seperti di bawah ini:

- “5. The Chief Surveyor may remit any fee due under this order in respect o -
- (a) x x x x
- (b) the preparation of a notification in the Gazette reserving State Land for public purpose which does not involved field work; or.....”

Bagi kes ini jumlah bayaran ukur adalah ditetapkan mengikut budibicara ketua Juruukur di bawah seksyen 14 Jadual yang dipinda bagi Perintah tersebut.

3. Oleh kerana jumlah bayaran –bayaran ukur untuk mengukur tanah yang akan dirizabkan bagi tujuan awam tidak boleh diketahui selagi ianya belum ditetapkan oleh Ketua Juruukur maka sistem yang terpakai sekarang bagi memungut deposit bayaran ukur tidaklah boleh digunakan. Dengan itu Pemungut-pemungut Hasil Tanah hendaklah seterusnya mengambil tindakan menyediakan permintaan ukur dan apabila jumlah bayaran telah ditetapkan, maka tindakan bolehlah diambil untuk mendapatkan keputusan mengenai pengecualiannya d bawah seksyen 4 (2) seksyen 5 Perintah tersebut juka perlu.

4. Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah dengan ini dinasihatkan supaya tidak memungut bayaran ukur bagi tanah yang akan dirizabkan untuk tujuan awam di bawah seksyen 62 Kanun Tanah Negara sebelum permintaan ukur disediakan dan jumlah bayaran ukur ditetapkan.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD NOR,
Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan

P.T.TM 37/53 Bab 2

Kuala Lumpur